



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN  
PROGRAM GERAN KREATIF KL

27 MEI 2024

SEMUA HOUSE  
JALAN BUNUS, KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ  
الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَىٰ

سیدنا محمد

أشرف

المرسلين،

و على آلـه

و صحبـه أجمعـين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita dapat bersama-sama pada Majlis Pelancaran Program Geran Kreatif KL sempena pembukaan semula Semua House pada pagi ini.
  
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pengajur yang telah menjemput saya untuk melancarkan program yang cukup bermakna ini.

3. Saya amat teruja berada di sini hari ini, di kawasan fesyen dan tekstil yang merangkumi Jalan Melayu, Jalan Bunus dan Jalan TAR yang mempunyai kepentingan sejarah dan budaya yang cukup penting.
  
4. Seperti kita semua sedia maklum, kawasan ini terkenal dengan perdagangan tekstil dan barang kemas yang mana bukan sahaja menarik pelawat dan pembeli tempatan, malah turut menarik pelawat antarabangsa untuk berkunjung ke sini.

5. Selama beberapa dekad, kawasan ini telah menjadi pusat kepada pemandangan tekstil di Kuala Lumpur, dengan menampilkan pelbagai jenis fabrik, busana tradisional, barang kemas dan banyak lagi. Pasaran pelbagai budaya yang ditonjolkan di sini mencerminkan kekayaan budaya di Malaysia.

## **PENGUMUMAN DAERAH FESYEN DAN TEKSTIL**

Para hadirin sekalian,

6. Untuk memastikan kepentingan kawasan ini terus terserlah, adalah penting untuk kita melaksanakan sedaya usaha untuk memelihara dan turut mempromosikannya secara bersama-sama. Sehubungan itu, saya menyokong penuh usaha untuk menjadikan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai daerah kreatif dan kebudayaan serta kawasan ini sebagai presint fesyen dan tekstil.
  
7. Usaha menjadikan kawasan ini sebagai presint fesyen dan tekstil adalah bertepatan dengan keunikannya, di mana semua barang fesyen dan tekstil Malaysia dapat diperoleh di sini.

- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
8. Konsep seperti ini telah pun berjaya dilaksanakan di pelbagai negara yang telah mengangkat kawasan mereka sebagai destinasi kreatif seperti di East London dan Kampung Gelam di Singapura.
9. Saya amat mengalau-alukan usaha untuk merejuvenasi Kuala Lumpur sebagai sebuah daerah kreatif dan kebudayaan yang dirujuk sebagai Kuala Lumpur Creative and Cultural District atau KLCCD.

10. Kuala Lumpur sebagai ibu kota negara, bukan sahaja perlu memberi fokus kepada pusat ekonomi semata-mata, tetapi juga boleh dinaik taraf sebagai hab budaya dan kreativiti yang dinamik.
  
11. Hal ini adalah kerana kita perlu untuk memastikan bandar Kuala Lumpur terus relevan dan berdaya saing di persada antarabangsa dengan menampilkan keunikan melalui pembaharuan dan memperkaya warisan budaya serta potensi bandar Kuala Lumpur yang seterusnya akan menjadi daya tarikan kepada pelancong domestik dan antarabangsa.

**INISIATIF MEMPROMOSI INDUSTRI  
KREATIF SELARAS DENGAN  
KERANGKA EKONOMI MADANI**

Para hadirin sekalian,

12. Selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, inisiatif ini akan dapat meningkatkan siling dengan mempromosikan industri kreatif, menyokong inovasi dan memupuk keusahawanan di Pusat Bandar Kuala Lumpur. Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi yang akan memacu sebuah pertumbuhan yang mampan.

13. *On top of* peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan sebanyak RM 15.11 bilion bagi melaksanakan sebanyak 270 program keusahawanan melalui pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri sepanjang tahun ini, inisiatif KLCCD ini juga secara tidak langsung akan memberi manfaat yang besar kepada perniagaan, artisan dan usahawan tempatan dan sekaligus dapat membantu memastikan manfaat ekonomi diagihkan dengan lebih saksama, selaras dengan naratif meningkatkan lantai melalui Kerangka Ekonomi MADANI.

14. Usaha-usaha pemangkin dalam menyegarkan semula Pusat Bandar Kuala Lumpur yang digerakkan oleh Think City dan DBKL ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam mewujudkan sebuah bandar yang lebih rancak dan mampan.

15. Sukacita, saya ingin kongsikan bahawa pihak Kerajaan akan memainkan peranan proaktif dalam melaksanakan projek-projek *flagship* dengan meningkatkan dan menyelaras usaha untuk memastikan ianya mencapai potensi penuh dalam memberikan hela nafas baharu kepada Pusat Bandar Kuala Lumpur agar menjadi destinasi kreatif bertaraf dunia.

16. Usaha penjanaan semula dan pembaharuan ini menyumbang kepada peningkatan *branding* dan kedudukan Kuala Lumpur di persada antarabangsa serta akan mengukuhkan lagi kedudukan Kuala Lumpur sebagai pemain utama dalam ekonomi global.
17. Inisiatif ini adalah antara persediaan Kuala Lumpur dalam menghadapi Tahun Kepengerusian MYASEAN pada tahun hadapan dan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2026 nanti.

18. Menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan menganggarkan seramai 35.6 juta pelancong dengan *anticipated tourism revenue* sebanyak RM 147.1 billion.
19. Sehubungan itu, adalah penting untuk Kuala Lumpur sebagai pintu masuk negara dapat menawarkan sesuatu seperti yang dilaksanakan oleh Think City dan DBKL ini kepada pelancong yang datang ke Malaysia nanti.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

20. Program Geran Kreatif KL pada hari ini merupakan antara inisiatif penting di bawah kelolaan Think City. Sebanyak RM 20 juta telah diperuntukkan untuk inisiatif ini dalam Belanjawan 2024 yang lalu.
  
21. Program Geran Kreatif KL ini perlu melibatkan penyertaan aktif komuniti dan pelbagai pihak bagi memastikan pendekatan merejuvenasikan Pusat Bandar Kuala Lumpur yang penuh dengan sejarah ini dilaksanakan secara bersama-sama.

22. Melalui usaha seperti ini, saya berharap agar kawasan ini dapat dinaiktaraf sebagai pusat kebudayaan dan kreativiti, sekaligus dapat menarik lebih ramai pelawat, pelabur dan juga penduduk untuk berkunjung dan menikmati keunikan budaya Malaysia di ibu kota negara ini.
23. Tetapi seperti yang disebutkan oleh Encik Hamdan sebentar tadi, usaha ini adalah sebuah usaha jangka panjang yang memerlukan usaha konsisten dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan, baik sektor swasta, komuniti dan orang awam untuk mencari sebuah penyelesaian yang kreatif dan inovatif.

24. Hanya dengan kerjasama yang erat dan usaha yang berterusan, kita semua akan dapat mencapai matlamat yang diimpikan ini.
  
25. Justeru, saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama berganding bahu menjayakan usaha ini kerana sudah pasti pada penghujungnya manfaat ini adalah untuk semua pihak.

26. Akhir kata, dengan lafaz mulia  
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan  
ini melancarkan Program Geran Kreatif  
Kuala Lumpur.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.